

PENGAJARAN MATA PELAJARAN AGAMA BERASASKAN BAHASA ARAB DALAM KURIKULUM BERSEPADU DINI

Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Abdul Ghani
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan
kamarulzaman@umk.edu.my

Abstrak

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) mula dilaksanakan sebagai kurikulum kebangsaan pada tahun 2015 di SABK seluruh Malaysia. KBD merupakan kurikulum pendidikan Islam baharu yang direka bentuk oleh KPM dan JAKIM berasaskan konsep agama-Arab yang sebelum ini dikenali sebagai Kurikulum Azhari. Aspirasi utama pelaksanaan kurikulum ini antara lain untuk meningkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa Arab dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Namun sehingga kini belum terdapat satu panduan dan kaedah yang jelas bagaimana cara terbaik pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum ini di dalam kelas. Sehubungan itu kertas ini bertujuan mencadangkan satu kaedah pengajaran mata-mata pelajaran agama dalam KBD yang dapat merealisasikan hasrat ini. Kaedah ini dibina berasaskan tinjauan analisis keperluan yang diperolehi daripada sampel pelajar dan guru seluruh Malaysia. Hasil tinjauan ini, konsep pengajaran model CLIL telah dipilih dan diadaptasi mengikut acuan Malaysia. Kaedah ini telah berjaya dibina berkonsepkan integrasi kandungan dan kemahiran bahasa. Kaedah ini juga telah dilakukan semakan dan mendapat persetujuan serta pengesahan kebolehgunaannya oleh enam orang pakar yang terdiri daripada tiga orang ahli akademik, seorang guru juru latih utama KBD dan dua orang guru berpengalaman KBD di SABK. Hasil dari perakuan enam pakar ini kaedah ini dinamakan Kaedah Integrasi yang merujuk kepada pengabungjalinan antara kaedah pengajaran kandungan mata pelajaran dan kaedah pengajaran kemahiran bahasa kedua.

Kata Kunci: Kurikulum Bersepadu Dini, Kaedah Integarsi, CLIL, Komunikasi bahasa Arab, SABK.

Penghargaan: Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (R/FRGS/A04.00/01336A/001/2016/00363). Kami mengucapkan terima kasih kepada KPT, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia serta rakan-rakan yang telah memberikan bantuan dan kerjasama serta pandangan dan kepakaran yang banyak membantu penyelidikan ini, walaupun mereka mungkin tidak bersetuju dengan semua tafsiran / kesimpulan kertas ini.

PENDAHULUAN

Salah satu inovasi kurikulum terkini yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Ia merupakan kurikulum yang digubal khusus untuk pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia. Kurikulum ini telah dibina dengan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), dan Lembaga

Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Konsep asas dan reka bentuk kurikulum ini diilhamkan daripada Kurikulum Azhari/al-Azhar yang telah diterima pakai secara rasmi pada tahun 2000 di sekolah-sekolah agama di Malaysia termasuklah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat. Pada tahun 2012 KBD telah mula diiktiraf sebagai kurikulum kebangsaan sebagai alternatif kepada Kurikulum al-Azhari sedia ada sebelum ini.

KBD digubal bermatlamat untuk menyediakan pelajar yang seimbang dan cemerlang berasaskan naqli dan ‘aqli bagi menyediakan bakal ulama’ dan agamawan *muthaqqaf*. Ia sebagai usaha untuk memartabat dan memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran Pengajian Islam, menggilap potensi dan keupayaan pelajar serta menyelaraskan sistem pengurusan KBD antara KPM dengan kurikulum kebangsaan (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

HASRAT KURIKULUM BERSEPADU DINI

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Gelombang 1 dalam perkara “Mengukuhkan laluan pendidikan agama” telah menyatakan bahawa “*..kementerian beriltizam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Kementerian akan memperkukuhkan pelaksanaan kurikulum kebangsaan di sekolah agama dengan mengangkat kurikulum Dini dan Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur-unsur agama ke dalam kurikulum kebangsaan*” – (Bab 7- m.s. 12) (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Merujuk kepada pernyataan tersebut penggubalan kurikulum ini adalah selaras dengan hasrat ini

Antara tujuan dan hasrat pelaksanaan KBD ini adalah supaya negara dapat menawarkan kepada warganegara yang memerlukan pendidikan aliran agama yang lebih berkualiti dan bersistematik kepada anak-anak mereka dan seterusnya mengukuhkan pendidikan agama dalam aliran perdana. Selain itu ia juga akan memberi lebih peluang kepada murid dalam menentukan laluan kerjaya mereka. Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pelaksanaan KBD. Usaha ini akan dapat mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta mampu merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab muktabar (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

Memperkasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah antara fokus penting dalam pelaksanaan kurikulum ini. Perkara ini disebut dengan jelas dalam dokumen maklumat asas pelaksanaan kurikulum bersepadu dini (pelaksanaan tahun 2015) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.

KBD juga berperanan mempertingkatkan keupayaan murid berasaskan aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), iaitu memastikan murid-murid menguasai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional. Aspek pengetahuan kurikulum ini akan mengembangkan potensi dan keupayaan murid dalam ilmu agama dan bahasa Arab. Dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar kurikulum ini dilihat mampu memberi kelebihan dan nilai tambah kepada murid dalam penguasaan bahasa selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Kemahiran dwibahasa) (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

Satu usaha yang lebih agresif perlu dilakukan bagi menyokong dan merealisasikan hasrat pelaksanaan kurikulum ini. Memandangkan bahasa Arab bukanlah bahasa komunikasi harian masyarakat di Malaysia serta penggunaannya tidak meluas sebagaimana bahasa Inggeris, justeru satu ekosistem berbahasa Arab yang kondusif perlu diwujudkan. Persekitaran bahasa Arab di sekolah perlu diperkasa dengan memberikan lebih tumpuan dan penekanan pelaksanaannya dalam beberapa aktiviti. Antara aktiviti utama yang perlu diberi perhatian adalah dalam kelas khususnya berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Usaha ini penting bagi menyokong hasrat penggubalan kurikulum ini.

PEMBELAJARAN PENGAJIAN ISLAM DALAM BAHASA ARAB DI MALAYSIA

Pada tahun 2002 YAB Perdana Menteri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Murad bin Mohamad bagi mengkaji isu Pendidikan Islam, peranan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan memperkasa sekolah kebangsaan khususnya berkaitan dengan Pendidikan Islam. Hasil kajian oleh jawatankuasa ini dalam laporannya telah mengesyor agar SAR diletakkan sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan dan ia telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri mengikut Akta Pendidikan 1996. Justeru itu sekolah-sekolah yang memilih untuk berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah di bawah kategori Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dibawah peruntukan 17 Akta Pendidikan 1996 (Kamarulzaman dan et.al 2018a).

Proses pendaftaran ini bermula pada tahun 2005 dan akan berakhir pada tahun 2009 (Hj. Dangiran 2008). Proses pendaftaran ini masih berlaku dan hingga kini lebih kurang hampir 200 buah SAR telah berdaftar sebagai SABK di seluruh Malaysia. Namun terdapat juga sekolah SAR yang bernaung di bawah kerajaan negeri yang dikenali dengan SMAN, dan yang berdiri atas kaki sendiri (SMAS).

Sekolah-sekolah agama rakyat ini kebanyakannya menggunakan kurikulum agama Bu'uth al-Azhar atau dikenali dengan kurikulum al-Azhar atau Azhari. Menurut Hj Abdul Rashid (2008) hampir semua sekolah SABK mengguna pakai kurikulum KPM serta mengekalkan kurikulum agama (al-Azhar). Kurikulum agama (al-Azhar) dibekalkan terus dari Universiti al-Azhar Mesir. Kurikulum ini melibatkan komponen pengajian Islam dan bahasa Arab secara terasing seperti subjek Tafsir, Hadis, Fekah, Tauhid, Nahu, Nusus dan sebagainya yang menggunakan bahasa Arab dalam buku-buku teks. Kurikulum agama Azhari ini mula diterima pakai sepenuhnya oleh kebanyakan SAR pada tahun 2000 (Mohd Mansor 2003). Manakala Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pula diperkenal oleh KPM melalui Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 2002 adalah berasaskan kurikulum ini. Pada tahun 2009 pihak JPA telah mengiktiraf sijil STAM sebagai setaraf dengan sijil STPM (Berita Harian, 16 September 2009).

Banyak kekurangan dan kelemahan yang dihadapi oleh pengendali sekolah yang mengguna pakai kurikulum al-Azhar khususnya pada tingkatan 1 hingga 5. Kurikulum ini diambil terus daripada al-Azhar dan ia didapati kurang sesuai dengan tahap pelajar Malaysia. Ini disebabkan tahap kandungan, laras bahasa, panduan pengajaran yang tidak jelas serta kelemahan bahasa pelajar. Bagi mengatasi masalah ini pihak KPM dengan inisiatif Jawatankuasa Kurikulum Agama LEPAI JAKIM telah membangun dan mengurus kurikulum alternatif kepada kurikulum al-Azhar yang dinamakan Kurikulum Dini.

Dalam resolusi Seminar Pemantapan Kurikulum SABK peringkat Kebangsaan 2008 Port Dickson telah menyatakan bahawa Kurikulum Dini/ Azhari perlu diselaraskan dan diangkat menjadi kurikulum kebangsaan. Pada Persidangan Ketua-ketua/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia kali ke-86, pada 25-27 Mei 2011 di Kangar Perlis pula telah bersetuju dengan cadangan Kurikulum Dini diselaras dan diangkat menjadi kurikulum kebangsaan (Bahagian Pendidikan Islam-BPI 2015). Sehubungan itu Jawatankuasa Kurikulum Pusat (KKP) dalam mesyuarat bil. 3/2012 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia telah meluluskan Kurikulum Dini (KD) sebagai Kurikulum Kebangsaan pada 25 Jun 2012. Ia dilaksanakan di SABK secara berperingkat bermula

daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 mulai tahun 2015 (KPM, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kurikulum Kebangsaan (JKKK) Bil 4/2013). Ia juga ditawarkan kepada mana-mana sekolah agama negeri atau swasta yang berminat (Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bil: 3/2012).

KONSEP DAN STRUKTUR KURIKULUM BERSEPADU DINI

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) adalah penggabungan Kurikulum Dini/ Azhari yang telah diselaraskan dengan Kurikulum Kebangsaan sedia ada dalam arus perdana. Mata pelajaran KBD menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar (BPI 2015).

1. Matlamat: Menyediakan murid-murid yang seimbang dan cemerlang melalui KBD berasaskan naqli dan 'aqli bagi menyediakan bakal ulama dan agamawan muthaqqaf.
2. Objektif: Antara objektif utama dalam pelaksanaan KBD adalah seperti berikut:
 - a. memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran KBD dan KBT di sekolah;
 - b. menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan kepada KBD dan KBT dengan Kurikulum Kebangsaan;
 - c. menyelaraskan pengurusan KBD dan KBT antara KPM, LEPAI dan Pihak Berkuasa Negeri,
 - d. membekalkan Guru Dini dan Guru Tahfiz yang terlatih dan setaraf dengan guru-guru KPM dari segi perjawatan; dan
 - e. menggilap potensi dan keupayaan pelajar melalui kurikulum yang dapat menyediakan individu yang seimbang dan berketrampilan dalam kedua-dua bidang ilmu naqli dan 'aqli.

Pelaksanaan KBD mengekalkan mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan sedikit perubahan dari segi peruntukan waktu minimum seminggu dan penambahan mata pelajaran Dini dalam kurikulum kebangsaan. Tempoh masa suatu waktu adalah empat puluh (40) minit. Senarai Mata Pelajaran Dini adalah seperti berikut (BPI 2015):

1. **Usul al-Din:** Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Tauhid, al-Tafsir, al-Hadis, al-Sirah wa Tarikh al-Islam, dan al-Akhlak wa al-Tasawwuf.

2. **Al-Syariah:** Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Quran wa a-Hifz, Fiqh al-Ibadat, Fiqh al-Munakahat, Fiqh-al-Muamalat, dan Fiqh-al-Jinayat.
3. **Al-Lughah al-Arabiah al-Mu`asirah:** Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Istima` wa al-Kalam, al-Qiraah, al-Kitabah, al-Mutalaah wa al-Ta`bir, dan al-Nahu wa al-Sarf.
4. **Manahij al-Ulum al-Islamiah:** Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Mantiq dan Usul al-Fiqh.
5. **Al-Adab wa al-Balaghah:** Mata pelajaran ini merangkumi bidang al- Adab wa al-Nusus dan al-Balaghah.

Bahasa Pengantar bagi Mata Pelajaran Dini dalam KBD ialah Bahasa Arab manakala mata pelajaran KBSM adalah dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

ISU-ISU BERKAITAN

Isu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran menggunakan bahasa kedua bukan sesuatu yang asing di Malaysia. Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) merupakan satu pelaksanaan pembelajaran yang hampir sama konsepnya dengan pelaksanaan KBD. Namun pelaksanaan pengajaran mata-mata pelajaran Pengajian Islam menggunakan bahasa Arab telah lama bertapak dalam sistem sekolah agama di Malaysia. Isu asas yang mendasari pelaksanaan kurikulum agama menggunakan bahasa Arab di Malaysia adalah ketiadaan satu konsep dan panduan yang kukuh berkaitan penggunaan bahasa Arab sebagai medium penyampaian mata pelajaran agama. Teori dan konsep yang sering diguna pakai adalah daripada pengajaran dan pembelajaran berasaskan bahasa Inggeris yang dipelopori oleh sarjana barat (Kamarulzaman & Belal 2015).

Dalam konteks bahasa Arab dan penggunaannya sebagai medium pembelajaran mata pelajaran agama di Malaysia harus ditangani dengan satu konsep dan kaedah yang sesuai dengan konteks Malaysia. Justeru perlu satu penerokaan konsep dan kaedah terbaik dalam pelaksanaan KBD di Malaysia perlu dilakukan. Kegagalan melaksanakan kurikulum agama melalui medium bahasa Arab di Malaysia sebelum ini kemungkinan besar kerana ketiadaan konsep dan kaedah yang jelas dan sesuai dengan suasana persekolahan dan keperluan kurikulum yang digubal. Justeru penerokaan kepada konsep dan kaedah baharu yang bakal

dibangunkan ini cuba menerapkan pendekatan CLIL dengan pengubahsuaian mengikut keperluan lokasi dan subjek kajian.

Pendekatan ini amat popular di negara-negara Eropah yang telahpun diiktiraf keberkesanan penggunaannya. CLIL yang berasaskan kepada teori pembelajaran naturalistik (Krashen & Terrell 1983) merupakan singkatan bagi “*Content and Language Integrated Learning*” yang bermaksud integrasi kandungan dan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Istilah ini telah diperkenalkan oleh Marsh, D. (2002) dan telah diguna pakai di seluruh dunia. Pendekatan *Content and Language Intergrated Learning* (CLIL) atau dalam bahasa Melayu boleh diterjemahkan sebagai “Intergrasi Kandungan dan Bahasa dalam Proses Pembelajaran” yang memberi makna pembelajaran sesuatu subjek seperti sejarah, geografi, sains dan lain-lain dengan menggunakan bahasa kedua atau asing dalam menguasai isi kandungan serta bahasa kedua atau bahasa asing melalui proses pembelajaran berteraskan bahasa (Marsh, D., Lange, G. 2000).

Pendekatan CLIL ini juga dikenali sebagai pendidikan dwi-fokus. Di Eropah, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bukan bahasa diajar menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing telah bermula sejak beberapa dekad yang lalu (Wannagat 2007; Kamarulzaman et. al, 2010; Meyer 2010). Di Malaysia, pendekatan CLIL mula dilaksanakan pada tahun 2003, apabila mata pelajaran sains dan matematik mula diajar menggunakan medium Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Sebaliknya, proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Feqah Kurikulum Al-Azhar menggunakan medium Bahasa Arab memang sudah lama digunakan di Malaysia cuma penggunaan ciri-ciri metodologi CLIL ini tidaklah diterapkan secara rasmi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Terdapat beberapa kajian telah dilakukan berkaitan CLIL dalam mata pelajaran sains dan matematik. Namun kajian berkaitan CLIL dalam mata pelajaran di bawah kurikulum Al-Azhar di Malaysia masih kurang dijalankan. Antara kajian berkaitan kurikulum Al-Azhar di Malaysia ialah kajian Kamarulzaman, Saiful Nizam, Nabihah & Nor Azahan (2010) yang mengkaji Penerapan Pendekatan CLIL dalam pelajaran Feqah di sekolah rendah sekitar Selangor yang menggunakan kurikulum Al-Azhar mendapati pendekatan ini menggalakkan perkongsian, mewujudkan pembelajaran aktif dan menggalakkan pembelajaran berpusatkan aktiviti dan murid. Kajian Pendekatan CLIL juga dijalankan oleh Belal Adnan & Kamarulzaman (2013) iaitu berkaitan dengan CLIL satu pendekatan baru bagi untuk penutur bukan Arab. Kajian tersebut mendapati pembelajaran isi kandungan menggunakan Bahasa Arab membantu murid meningkatkan penguasaan mereka dalam Bahasa Arab.

Selain itu, kajian Mohd. Mansor & C. Kamarudin (2004) yang dijalankan ke atas murid SMA dan STAM di Kelantan mendapati hanya 50% murid dapat memahami sukatan yang diajar. Kajian Sumayyah et.al (2011) di UniSZA mendapati skor pengetahuan murid tentang istilah Bahasa Arab dalam bidang Feqah adalah sederhana (min 54.81). Kertas ini diharap dapat mengemukakan satu konsep dan kaedah baharu acuan Malaysia serta satu cadangan modul yang boleh dirujuk dan panduan dalam pelaksanaan kurikulum agama bermedium bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Malaysia.

Konsep Dan Asas Pedagogi Pendekatan CLIL


Asas CLIL ialah integrasi pembelajaran bahasa kedua yang diperoleh melalui kelas-kelas yang mempelajari isi kandungan sesuatu mata pelajaran bukan bahasa dengan menggunakan bahasa tersebut. Pengajaran dan pembelajaran melalui model CLIL adalah melibatkan proses kognitif, keperluan masyarakat, pemahaman kandungan dan komunikasi antara pelajar.

Pada asasnya, jika pelajar mempelajari sesuatu kandungan yang baru, mereka hendaklah menghubungkannya dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka. Ini boleh dilakukan melalui komunikasi mereka dengan guru-guru atau rakan sekelas, bertukar-tukar fikiran dan memproses maklumat yang dapat membantu membina pengetahuan dan kemahiran baru. CLIL adalah untuk pelajar memperoleh kemahiran bahasa dan kandungan mata pelajaran secara spontan dalam suasana yang kondusif dan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Pendekatan ini berkonsepkan pembelajaran bahasa secara semula jadi atau secara spontan (Coonan 2005). Secara teorinya ia perlu mewujudkan kepekaan terhadap bahasa, keutamaan kepada bahasa pertuturan, pengajaran bahasa asing sebagai persekitaran pembelajaran dan penggunaan bahasa aktiviti dalam mata pelajaran. Empat elemen ini adalah panduan untuk satu bentuk pembelajaran bahasa asing secara semulajadi di sekolah. Jelaslah bahawa CLIL adalah satu bentuk pembelajaran bahasa secara semulajadi kerana memenuhi empat elemen yang digariskan. Ciri-ciri utama pendekatan semulajadi (*natural approach*) menurut Krashen dan Terrell (1983) boleh disesuaikan di bawah konsep CLIL. Antaranya ialah: berasaskan input, menghormati rentak pembelajaran pelajar, kefahaman sebelum penghasilan, pertuturan sebelum penulisan, tidak menumpukan kepada pembedaan, mengemukakan topik yang menarik pelajar, menggunakan prinsip 'di sini dan sekarang'


untuk membantu kefahaman, menyediakan komunikasi yang menggunakan bahasa secara semulajadi dan tidak mengajar tata bahasa secara nyata sebaliknya pelajar belajar melalui pengalaman berbahasa.

Terdapat lima fokus dimensi program CLIL yang dilaksanakan di sesebuah negara. Setiap negara melalui pendekatan yang berbeza dan berdasarkan teori yang sama. Namun begitu, untuk menjamin kejayaan program ini, dimensi-dimensi ini perlu melihat kepada tiga perkara penting iaitu, jarak umur pelajar, sosio-linguistik, dan tahap pendedahan kepada program CLIL.



Rajah 1. Dimensi CLIL (Marsh et.al 2001)

Model pembelajaran berasaskan model CLIL berfokus kepada empat bidang iaitu; isi kandungan, komunikasi, budaya, dan kognisi. Model kurikulum CLIL oleh ZydatiB (2007) menyatakan tujuan CLIL dapat dilihat berdasarkan gambarajah berikut:



Rajah 2. Model kurikulum CLIL oleh ZydatiB (2007)

1. Kandungan - Kemajuan dalam pengetahuan, kemahiran dan pemahaman yang berkaitan dengan elemen tertentu dari kurikulum yang ditetapkan.
2. Komunikasi - Menggunakan bahasa untuk belajar dan sambil belajar menggunakan bahasa.
3. Kognitif - Mengembangkan kemampuan berfikir yang berkaitan dengan pembentukan konsep (abstrak dan konkrit), pemahaman dan bahasa.
4. Kebudayaan dan Kewarganegaraan - Paparan terhadap perspektif alternatif dan pemahaman bersama, yang memperdalam kesedaran dari keyakinan diri.

Dengan meletakkan komunikasi sebagai satu aspek penting dalam CLIL, kemahiran bertutur dilihat sebagai satu komponen terpenting yang akan menggerakkan komunikasi ini. CLIL meletakkan pelajar sebagai penutur bahasa bukan pelajar bahasa sebagai mana yang dinyatakan oleh Nikula (2007).

KAEDAH INTEGRASI: SATU CADANGAN

Hasil kajian dan tinjauan yang dilakukan oleh Kamarulzaman, Ahmed Thalal dan Ahmad (2017) serta Kamarulzaman et.al (2018a dan 2018b) satu kaedah pengajaran bagi mata-mata pelajaran agama telah dikenal pasti. Kaedah ini bertujuan untuk memperkasa kemahiran bahasa Arab pelajar dengan mewujudkan persekitaran bahasa dalam kelas melalui kaedah pengajaran yang dikendalikan oleh guru. Kaedah ini mengadaptasi dari model CLIL (*Content Language Integrated Learning*) bersesuaian dengan konteks pembelajaran SABK dan KBD di Malaysia. Konsep pelaksanaan kaedah ini bersesuaian dengan model CLIL yang menerapkan kemahiran bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran kandungan mata pelajaran selain bahasa (Kamarulzaman 2012).

Setelah dibina prinsip pelaksanaan, tujuan dan objektif pengajaran berasaskan kaedah ini, serta perincian langkah-langkah pengajaran kaedah ini satu proses semakan dan pengesahan kebolehlaksanaannya telah dilakukan. Bagi tujuan tersebut sebanyak enam orang pakar telah dipilih untuk menjadi panel pakar semakan. Tiga daripadanya adalah ahli akademik dalam bidang, dan tiga orang guru termasuk seorang Juru latih Utama KBD serta dua orang guru berpengalaman telah terlibat. Hasil semakan yang dilakukan panel pakar yang

telah dipilih telah mengesahkan kebolehlaksanaan kaedah ini dengan beberapa cadangan penambahbaikan.

Kaedah ini telah dinamakan Kaedah Integrasi yang menggambarkan satu proses pembelajaran di dalam kelas bagi pembelajaran subjek-subjek agama dalam komponen Usuluddin dan Syariah melalui satu kaedah pengajaran yang digabung jalin antara kaedah mengajar kandungan dan kaedah pengajaran kemahiran bahasa kedua. Kaedah ini mempunyai dua fungsi, iaitu sebagai kaedah menyampaikan isi kandungan mata pelajaran dan pada masa yang sama secara tidak langsung memupuk kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Prinsip Pelaksanaan Pengajaran Kaedah Integrasi

Dalam melaksanakan Kaedah Integrasi dalam pengajaran subjek-subjek agama KBD guru perlu memahami dan mematuhi beberapa prinsip asas pelaksanaannya, iaitu:

1. Kaedah ini dibina berasaskan Model CLIL. Model ini menekankan aspek kognitif, kandungan, komunikasi dan kemahiran bahasa melalui enam dimensi, iaitu persekitaran, budaya, isi mata pelajaran, corak pembelajaran dan bahasa.
2. Ia bersifat integrasi pelaksanaan aktiviti pembelajaran bagi mencapai objektif isi kandungan pelajaran dan kemahiran bahasa Arab secara serentak serta pembelajaran bahasa secara spontan di dalam kelas.
3. Fokus pengajaran adalah untuk menyampaikan maklumat mata pelajaran. Aktiviti memupuk kemahiran bahasa diterap secara tidak langsung melalui aktiviti penyampaian yang dilakukan.
4. Pendekatan yang digunakan memfokuskan kepada aspek komunikasi bagi mewujudkan persekitaran bahasa.
5. Penggunaan bahasa Arab sebagai medium pengajaran dengan mengambil kira tahap pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran kemahiran bahasa Arab (Lughah Arabiah Mu'asirah), penerimaan pelajar, tahap kebolehan bahasa pelajar serta pemeringkatan penggunaan laras bahasa.
6. Menerapkan pembelajaran berpusatkan pelajar bagi mewujudkan suasana pembelajaran aktif melalui konsep Pembelajaran Abad Ke-21.
7. Guru perlu berperanan sebagai pemudah cara berbanding hanya sekadar penyampai maklumat dan pengetahuan semata-mata.

8. Guru perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan bahasa Arab dan kaedah pengajaran bahasa kedua atau asing khususnya kaedah pengajaran empat kemahiran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
9. Tidak menggunakan teknik fleksi (mengi'rab ayat) dalam proses penerapan unsur bahasa.

Tujuan Dan Objektif Pengajaran Berasaskan Kaedah Integrasi

Tujuan pengajaran dan pembelajaran subjek agama KBD berasaskan Kaedah Integrasi ini adalah untuk:

1. Menguasai isi kandungan pelajaran.
2. Meningkatkan kemahiran bahasa kedua pelajar.
3. Meningkatkan keyakinan diri pelajar.
4. Mewujudkan persekitaran berbahasa Arab yang kondusif dan efektif.
5. Memupuk pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar dalam bahasa Arab.

Bagi merelisasikan pelaksanaan kaedah ini guru perlu mempunyai dua objektif besar. Pertama merupakan objektif utama pembelajaran dan kedua objektif kemahiran bahasa yang merupakan objektif sokongan yang juga perlu dicapai. Dua objektif pembelajaran dalam pelaksanaan modul ini, iaitu:

1. Objektif kandungan mata pelajaran (utama);

Ia merupakan perubahan tingkah laku yang ingin dicapai dalam pembelajaran berkaitan isi kandungan pelajaran. Objektif ini perlu dicatat dalam rancangan pengajaran guru dan ia perlu dicapai serta boleh dimaklumkan kepada para pelajar. Objektif ini boleh ditetapkan mengikut kesesuaian masa dan kandungan pelajaran yang hendak dipelajari.

2. Objektif kemahiran bahasa (sokongan);

Ia merupakan perubahan tingkah laku kemahiran bahasa (bahasa Arab) yang ingin dicapai disamping isi kandungan mata pelajaran. Objektif ini perlu juga dicatat dalam rancangan pengajaran guru, perlu dicapai namun tidak perlu dimaklumkan kepada para pelajar. Objektif ini tidak lebih dari dua objektif sahaja.

Panduan Asas Perkembangan Pengajaran Kaedah Integrasi

Langkah-langkah pengajaran dalam Kaedah Integrasi ini melibatkan aktiviti-aktiviti untuk mencapai dua objektif besar tersebut. Berikut diberikan panduan bagaimana pelaksanaan langkah-langkah pengajaran bagi Kaedah Integrasi ini.

1. Isi kandungan yang berkaitan pelajaran utama subjek seperti Tafsir Hadis, Tauhid, Fekah, Sirah dan lain-lain boleh menggunakan kaedah yang disarankan dalam buku teks atau mana-mana kaedah dalam perkaedahan pengajaran pendidikan Islam.
2. Isi pembelajaran berkaitan bahasa dan kemahiran bahasa hendaklah berasaskan kepada kaedah pengajaran kemahiran bahasa kedua atau asing yang digunakan secara minima.
3. Guru mempunyai kebebasan dalam memilih kaedah dan teknik yang sesuai berdasarkan kandungan pelajaran dan keupayaan pelajar.
4. Guru perlu menerapkan aspek pengajaran kemahiran bahasa kedua dalam pelaksanaan kaedah pengajaran kandungan pendidikan Islam seperti menggunakan teknik bacaan nyaring, bacaan senyap, lakonan, mencari makna dalam kamus, soal jawab kefahaman teks, kuiz bahasa, permainan bahasa dan sebagainya.
5. Aktiviti penilaian bagi mengukur pencapaian objektif juga perlu meliputi aspek kandungan mata pelajaran dan kemahiran bahasa yang diterapkan.

Dalam pelaksanaan kaedah ini suasana pembelajaran seolah-olah berada dalam kelas pengajaran kemahiran bahasa. Bahan pengajarannya adalah merupakan teks dan kandungan mata pelajaran agama. Guru menerapkan kaedah pengajaran pendidikan Islam bagi pembelajaran berkaitan kandungan mata pelajaran, manakala permulaan kepada pengajaran teks pembelajaran guru mengaplikasikan kaedah pembelajaran kemahiran bahasa. Manakala bagi pengajaran kandungan bahasa seperti pengenalan terhadap tatabahasa asas ia boleh diselangselikan dengan pengajaran kandungan pelajaran dengan kadar yang minima. Penerapan pengajaran berkaitan bahasa tidak semestinya perlu diterapkan dalam satu masa pengajaran. Hanya satu atau dua objektif bahasa sahaja perlu diterapkan dalam satu masa pengajaran agar tumpuan kepada isi mata pelajaran tidak terganggu.

KESIMPULAN

KBD merupakan satu inovasi kurikulum yang diinspirasikan daripada kurikulum Azhari yang mula diguna pakai oleh kebanyakan sekolah-sekolah agama rakyat di Malaysia. Ia digubal bagi meningkat kualiti pendidikan agama Islam dan pada masa yang sama memperkasa keupayaan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya di SABK. Pelaksanaannya memerlukan kepada anjakan paradigma dan budaya mendidik para warga SABK. Aspirasi penggubalannya antara lain menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Untuk merealisasikan hasrat ini satu sistem sokongan perlu diwujudkan melalui pembudayaan persekitaran berbahasa Arab dalam kawasan sekolah sama ada melibatkan aktiviti dalam kelas mahupun di luar kelas. Kegagalan melakukan transformasi terhadap budaya persekitaran bahasa boleh membantutkan kejayaan pelaksanaan kurikulum ini. Pelaksanaan kurikulum baharu telah melalui tahap pertama, iaitu tahap menengah rendah. Dalam tempoh tiga tahun pelaksanaannya ia boleh ditinjau bagi melihat sejauhmana transformasi budaya persekitaran sekolah berlaku berbanding sebelumnya. Cadangan kaedah ini sedikit sebanyak membantu para guru dalam menghidupkan persekitaran bahasa Arab di dalam kelas.

RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Islam (2015), Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum bersepadu Dini.
- Belal Adnan Kabalan & Kamarulzaman. 2013. Bahs Ta'rifi bi CLIL ka Madkhal Jadid fi Ta'lim Al Lughah Al Arabiah Bagi Bukan Penutur Jati. Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam Ke 3 (ICIED).
- Coonan, C.M. (2005). The natural learning of a foreign language: CLIL as possible partial solution for the primary school. *Scuola e lingue moderne* 4-5.
- Hj. Abdul Rashid Othman. (2008). Penyelarasan kurikulum al-Azhar untuk SABK: Cabaran dan Harapan. Kertas Kerja Seminar Pemantapan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Peringkat Kebangsaan. Bahagian Pendidikan Islam, KPM. 3-5 Disember 2008, Tiara Beach Resort: Port Dickson.
- Hj. Dangiran Mustapa. (2008). Program pendaftaran sekolah agama bantuan kerajaan: Satu sorotan. Kertas Kerja Seminar Pemantapan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Peringkat Kebangsaan. Bahagian Pendidikan Islam, KPM. 3-5 Disember 2008, Tiara Beach Resort: Port Dickson.

- Kamarulzaman Abd Ghani, Saiful Nizam Sulaiman, Nabihah Yusof & Nor Azhan Norul 'Azmi. 2010. Penerapan Pendekatan CLIL dalam Pengajaran Mata pelajaran Kurikulum Al-Azhar. 1st International Conference on Islamic Education. 303-312.
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Belal Adnan Kabalan. 2015. Tadrīs al-Mawad al-Diniyyah bi al-Lughah al-Thaniyah bi Wasitah Namudzah CLIL fi Maliziya: al-Qadhaya wa al-Tahaddiyat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*. 1(2) 2015, 60-72.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hassan, Ahmad Abdul Rahman & Belal Adnan Kabalan. 2017. Method of Teaching Religious Subjects in Arabic in Malaysia: An CLIL Approach. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1), 2017 54-75, e-ISSN: 2289-960.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil & Siti Apipah Munirah Salleh. 2018a. Pembelajaran Kurikulum Bersepadu Dini dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. *Proceedings 5th International Conference on Research in Islamic Education and Arabic Language 2018 (ICRIALE 2018)*, 534-539. PIMM: Bangi.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmed Thalal Hj Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Mohd Aderi Che Noh, Muhd Zahiri Awang Mat, Zawawi Ismail, Azmil Hashim, Saifuddin Hussin, Rohaidi Habil & Siti Apipah Munirah Salleh. 2018b. Persekitaran Bahasa Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Special Issue 2018*. e-ISSN 2289 8042.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 2012. Memartabat Pendidikan Islam dan Bahasa Arab Kurikulum Agama Al-Azhar : Cadangan Pendekatan Pengajaran. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-9 Peringkat Serantau / Fakulti Pendidikan UKM dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU-SB)*, 23-32.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kurikulum Kebangsaan (JKKK) Bil 4/2013.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. 2013-2025. Pendidikan Pra Sekolah hingga Lepas Menengah*. Putrajaya.
- Krashen, S.D. & Terrell, S. (1983). *The natural approach: Language acquisition in the classroom*. Hayward CA: Alemany Press.
- Marsh, D., & Lange, G. (2000). *Using Language to Learn and Learning to Use Language*. Finland: UNICOM.

- Marsh, Majlers and Hartiala (2001). Profiling European CLIL Classrooms – Languages Open Doors. A research report.
- Mayer, O. 2010. Towards quality-CLIL :Successful Planning and Teaching Strategies. In: Eisenmann, Maria and Summer, Theresa (eds.): Basic Issues in EFL –Teaching and Learning. Heidelberg : Winter. Forthcoming.
- Mohd Mansor Daud & C. Kamarudin Kamel Muhammad. (2003) Permasalahan pengajaran dan pembelajaran kurikulum al-Azhar dan cara mengatasinya. Prosiding Wacana Pendidikan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi, (hlm. 124-129). Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Nikula, Tarja. 2007. Speaking English in Finnish content-based classroom. *World Englishes* 26, 206-223
- Sumayyah Abd. Aziz, Syh Noorul Madiah Syed Husin & Tg. Fatimah Muliana Tg. Muda. 2011. Pengetahuan murid UniSZA Terhadap Istilah Bahasa Arab dalam Bidang Fekah. International Conferences and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education (ICERIALE).
- Wannagat, U. 2007. Learning Trough L2- Content and Language Intergrated (CLIL) and English as Medium of Instruction (EMI). *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*. 10:5, 663-682.
- Zydati, Wolfgang. 2007. Bilingualer Fachunterricht in Deutschland: eine Bilanz.

الدرس الاول: باب التفسير

١. تمهيد ومناقشة

- هل قرأت القرآن؟
- فما السورة الثانية للقرآن؟
- كم مرة نصلي في اليوم واللييلة؟
- هل تعرف الاسم والفعل؟

٢. قراءة الآية قراءة مجودة

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِن لَّا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾

➤ معاني الكلمات المختارة

- الاستعانة: طلب المعونة والقدرة على القول أو العمل.
- الصبر: حمل النفس على المكروه
- الشعور: الإحساس بالشيء.

٣. شرح الآية إجمالاً

أمر الله تعالى بالاستعانة بالصلاة لأنها عماد الدين، وهي صلة بين العبد وربه. وأمر أيضاً المؤمنين بالاستعانة على أمورهم الدنيوية، وحبس النفس، وكفها عما تكره. ولما ذكر سبحانه وتعالى الأمر بالاستعانة بالصبر على جميع الأحوال، ذكر نموذجاً مما يستعان بالصبر عليه، وهو الجهاد في سبيل الله، وهو أفضل الطاعات البدنية.

(ميز بين الكلمات التي تحته خط)

٤. سبب نزول الآية ١٥٤


نزلت في قتلى بدر. وكانوا أربعة رجلاً، ومنهم ثمانية من الأنصار وستة من المهاجرين. والسبب: أن الناس كانوا يقولون للرجل يقتل في سبيل الله. مات فلان، وذهب عنه نعيم الدنيا ولذتها. فأنزل الله هذه الآية. قال ابن عباس: قتل عمير بن الحمام ببدر.

(استخرج الأسماء والأفعال من القطعة السابقة)

٥. فهم المقروء

- ١- لماذا أمر الله الاستعانة بالصلاة؟
- ٢- ما هو أفضل الطاعات البدنية؟
- ٣- كم عدد شهداء بدر؟
- ٤- فيمن نزلت آية ١٥٤ من سورة البقرة؟
- ٥- كيف يصل العبد بربه؟

٦. كيفية الاستعانة بالله



الاستعانة بالصبر لأنه يقوي على تحمل
المشقة والثبات على المصائب

الاستعانة بالدعاء لأنه مخ العبادة وسلاح
المؤمن

٧. منزلة الشهداء عند الله

إن الجهاد عبادة توصل إلى مقام القرب: وإن للشهيد منزلة عظيمة عند الله حيث وصل إلى مقام اللقاء: لقاء الله تعالى ليبقى عنده، ويرزق من رزقه. فقد شبه القرآن الكريم الجهاد بالتجارة، حيث يبيع المؤمنون أرواحهم ليشتروا الجنة.

(ابحث معاني الكلمات التي تحتها الخط ثم كون جملة مفيدة منها)

٨- ما يؤخذ من الآية

- ١- فصيلة الصبر والأمر له.
- ٢- فضل الشهداء على غيرهم.
- ٣- إظهار ما عليه الممتحن من قوة أو ضعف.

٩- أنشطة وتدريبات (لغوية)

يمكن استخدام التدريبات الموجودة في الكتاب المقرر وإضافة بعض التدريبات المقترحة التالية.

❖ عيّن الأسماء والأفعال من الكلمات الآتية

الدعاء	يشتري	مشقة	العبادة	يذكر
يستعان	معوثة	الرجل	نزل	نزول

❖ كَوْنُ جملا مفيدة جديدة من ثلاثة أسماء وثلاثة أفعال من الدرس

.....

❖ ناقِشْ في المجموعة عن الصلاة وفوائدها ثم تكلم عنها أمام الفصل.

❖ نشاط لغوي: اكتب بإيجاز عن الصبر وفوائده.

.....